



Pelaksanaan Proses Istitabah: Satu Perbandingan Antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

Undang-Undang
Jenayah
Syariah

Implementation of the Istitabah Process: A Comparison Between the State of Selangor and the State of Negeri Sembilan

41

WAN ZAHARUDDIN WAN ISMAIL

(Corresponding Author)

HAMMAD MOHAMAD DAHALAN

AZIZAH MAT RASHID

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

abuuwaisalyamanie@gmail.com

hammad@uis.edu.my, azizahrashid@uis.edu.my

Submitted: 25 April 2024

Revised: 14 May 2024

Accepted: 3 July 2024

E-Published: 31 October 2024

ABSTRAK

Pada hari ini, kes-kes melibatkan kesalahan akidah umat Islam semakin berleluasa. Hukuman undang-undang yang diberikan terhadap pesalah akidah pula dilihat tidak mampu menyelesaikan masalah akidah yang berlaku. Hukuman berbentuk denda, penjara dilihat tidak mampu mengajak pesalah akidah kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Malah mungkin akan menyebabkan mereka lebih jauh dengan ajaran Islam. Oleh sebab itu, kajian mendapati bahawa salah satu komponen yang sesuai dalam menangani masalah akidah ialah dengan melakukan *istitabah* terhadap pesalah yang ada. Namun, tidak semua negeri memperuntukkan proses berkaitan *istitabah*. Malah, *istitabah* yang dilaksanakan di sesetengah negeri didapati tidak mempunyai punca kuasa yang jelas baik dari enakmen atau akta negeri terlibat. Pun begitu, hasil kajian mendapati bahawa telah wujud proses *istitabah* yang telah diamalkan di sesetengah negeri bagi membantu menyelesaikan kes yang melibatkan kesalahan akidah. *Istitabah* adalah satu proses yang dibuat bagi membantu atau menggalakkan pihak yang terlibat melakukan taubat. Kajian juga mendapati bahawa antara negeri yang telah mewujudkan modul *istitabah* yang khusus ialah Negeri Selangor dan Negeri Sembilan. Justeru itu, kajian yang berbentuk kualitatif ini dilakukan dengan menganalisis dokumen bagi mengenalpasti proses *istitabah* yang dilaksanakan di dua buah negeri tersebut. Bentuk kajian kes akan memberi penerangan dan penganalisisan secara terperinci mengenai proses *istitabah* yang ada. Bagi tujuan tersebut, kajian akan melihat kepada modul *istitabah* yang digunakan di kedua-dua negeri bagi mengenalpasti prosedur *istitabah* yang dilaksanakan. Kajian juga seterusnya akan membuat perbandingan proses *istitabah* yang dilaksanakan antara negeri tersebut.

Kata Kunci: *Istitabah*, Selangor, Negeri Sembilan, Prosedur, Taubat





ABSTRACT

Today, cases involving violations of the Islamic faith are increasingly widespread. The legal punishments imposed on individuals who violate the faith are seen as insufficient to address the underlying issues of faith. Punishments such as fines and imprisonment do not seem to effectively guide the offenders back to the true teachings of Islam. In fact, they may even drive them further away from Islam. Therefore, the study finds that one appropriate component in addressing faith-related issues is through the process of *istitabah* (reconciliation or repentance) for the offenders. However, not all states provide for the *istitabah* process. Furthermore, the *istitabah* carried out in certain states lacks clear legal authority, either from state enactments or laws. Nevertheless, the research finds that there are states where the *istitabah* process has been implemented to resolve cases involving violations of the faith. *Istitabah* is a process designed to assist or encourage the involved parties to repent. The study also finds that among the states that have developed specific *istitabah* modules are Selangor and Negeri Sembilan. Thus, this qualitative study is conducted by analyzing documents to identify the *istitabah* processes implemented in these two states. The case study approach will provide a detailed explanation and analysis of the existing *istitabah* process. For this purpose, the study will examine the *istitabah* modules used in both states to identify the procedures implemented. The study will then make a comparison of the *istitabah* processes between these two states.

Keywords: *Istitabah*, Selangor, Negeri Sembilan, Procedure, Repentance

PENDAHULUAN

Pada hari ini, masalah yang melibatkan akidah atau pemohonan untuk mengisytiharkan diri mereka bukan lagi Islam semakin meningkat. Penyakit akidah atau pencemaran akidah di kalangan umat Islam dilihat semakin parah dan membimbangkan. Ia berlaku baik kepada umat Islam yang asal atau saudara baru yang telah memeluk agama Islam (Nazneen Ismail et al, 2018 ; Nor Ashikin Md Nasir & Siti Zubaidah Ismail, 2017).

Terdapat pelbagai senario yang menunjukkan bahawa masyarakat Islam hari ini mempunyai pelbagai masalah akidah, yang mana ia boleh berlaku baik sama ada oleh dorongan emosi mahu pun kejahilan tentang agama yang menebal. Antara contoh masalah akidah yang berlaku ialah dengan peningkatan pemohonan untuk mengisytiharkan diri mereka bukan lagi Islam di Mahkamah Syariah. Ini dapat dilihat melalui kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir Baharom yang mana telah mendedahkan bahawa terdapat banyak permohonan keluar Islam yang telah difailkan di mana dari tahun 2000 hingga 2001 sebanyak 686 permohonan yang telah diterima di Mahkamah Syariah (Nor Ashikin Md Nasir & Siti Zubaidah Ismail, 2017). Masalah akidah seharusnya tidak dipandang ringan kerana ia melibatkan maruah agama Islam yang seharusnya dijaga oleh setiap umat Islam. Ini kerana ia termasuk dalam satu elemen Maqasid Syariah iaitu untuk menjaga agama.

Justeru itu, bagi menangani masalah atau penyakit akidah yang berlaku di kalangan umat Islam, pihak berkuasa telah membaik pulih instrumen *istitabah* sebagai satu usaha untuk menyelesaikan masalah akidah yang berlaku. Ia bagi memastikan dapat memberi pertolongan dan bimbingan kepada golongan yang dikatakan telah melakukan kesalahan akidah juga bagi menangani cabaran permasalahan akidah umat Islam yang berlaku pada hari ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah merupakan kajian berbentuk kualitatif yang mana memerlukan data yang terperinci bagi memastikan objektif kajian tercapai. Kajian melibatkan kajian perpustakaan yang menggunakan bahan seperti artikel, buku, akhbar, jurnal dan sebagainya bagi mendapatkan fakta dan dapatan kajian yang terperinci. Kajian adalah memfokuskan tatacara *istitabah* dengan menghadkan proses *istitabah* di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan sahaja. Penganalisisan data berkaitan proses *istitabah* adalah dilakukan dengan melihat kepada proses *istitabah* yang telah ditetapkan di dalam Modul *Istitabah* MAIS 2017 bagi negeri Selangor dan Modul Runding Cara Akidah bagi Negeri Sembilan. Kajian juga akan turut melihat kepada penulisan kajian lepas bagi membandingkan proses *istitabah* yang dijalankan dalam kedua-dua negeri tersebut. Selain itu juga, kajian ini juga akan melihat secara ringkas konsep *istitabah* dari sudut syarak melalui kajian perpustakaan seperti artikel, kitab dan sebagainya.

DEFINISI DAN KONSEP

Umumnya, terma *istitabah* itu sendiri bukanlah satu perkara yang asing lagi baik dalam perbincangan ulama' terdahulu, mahupun kini.

Istitabah boleh didefinisikan sebagai satu proses memohon taubat atau menganjurkan taubat. (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al., 2023) *Istitabah* menurut Imam Ibn Hajar Al'Asqalani (773-852H) telah mendefinisikan dan memberi konsep taubat dengan ungkapannya yang bermaksud: Taubat ialah penyesalan di atas dosa yang dilakukan beserta menghentikannya serta merta dan keazaman yang kuat untuk tidak kembali melakukannya (Al'Asqalani, Ibn Hajar 2000). Imam Al-Syarif Al-Jurjani (740-816H) mendefinisikan taubat yakni kembali kepada Allah dengan mengikat hati secara berterusan (dengan Allah) kemudian mengerjakan kesemua hak-hak Allah. Dan dikatakan taubat juga ialah pengiktirafan, penyesalan dan penghentian (dosa) (Al-Jurjani, Al-Syarif, 1985). Imam Al-Raghib (wafat 502H) pula mendefinisikan taubat sebagai meninggalkan dosa kerana kejelikannya dengan penyesalan kerana apa yang dilalaikannya serta keazaman untuk meninggalkan apa yang kebiasannya dilalaikan kemudian membetulkan apa yang dalam kemampuannya untuk menggantikan apa yang sepatutnya daripada amalan-amalan (Sahih Ibn Abdullah Ibn Humayd, Abd Rahman Ibn Abd Rahman Malluah et. Al, 1998). Menurut Imam Ibn Qayyim Al-Jawziyyah (Ibn Qayyim Al-Jawziyyah, 2001) keterkaitan dan keterikatan yang kuat antara agama Islam dan konsep taubat adalah seperti berikut: Taubat sebenarnya adalah realiti agama Islam dan agama secara umumnya termasuk dalam

ungkapan taubat yang melayakkan seorang yang bertaubat itu menjadi kekasih Allah. Sesungguhnya Allah menyukai seseorang melakukan apa yang dipintakNya dan meninggalkan laranganNya. Jadi, taubat adalah kembali daripada apa yang Allah tidak sukai secara zahir dan batin kepada apa yang disukaiNya secara zahir dan batin. Ini termasuklah apa yang diungkapkan sebagai Islam, iman dan ihsan. Dan perkara ini meliputi semua maqam. Oleh itu, taubat merupakan objektif orang yang beriman, pada peringkat mula atau pun pada peringkat akhirnya, taubat adalah objektif kepada penciptaan makhluk. Perintah dan tauhid hanyalah sebahagian daripada taubat, bahkan ia (perintah dan tauhid) hanyalah sebahagian dari taubat yang merupakan entiti yang terbesar. *Istitabah* juga merupakan satu anjuran atau proses memberi peluang untuk bertaubat bagi individu yang melakukan kesalahan atau jenayah dari segi syarak. Ia dikenali sebagai prosedur rasmi yang berlaku sebelum satu-satu individu dijatuhkan hukum had riddah. Di dalam Islam, setiap hamba digalakkan untuk sentiasa bertaubat atas kesalahan atau dosa yang dilakukan sama ada besar atau kecil, sengaja atau tidak. Pendekatan *istitabah* yang dijalankan adalah berbentuk rundingan dan khidmat nasihat akidah kepada pemohon untuk kembali menerima Islam sebagai agama dalam hidup (Zanariah et al, 2019). Sementara itu, jumhur fuqaha berpendapat bahawa *istitabah* ialah meminta orang yang murtad supaya bertaubat kembali pada ajaran Islam (Nazneen Ismail et al, 2018). Ini selari dengan maksud daripada perkataan *istitabah* itu sendiri yang merupakan kata terbitan dari kalimah *istataba* (استتاب) yang bermakna permintaan agar orang murtad bertaubat (Mu'jam Al Wasit, 2004). Malah, tiada perbezaan yang ketara antara definisi *istitabah* di sisi para fuqaha dan ahli biasa (Siti Razasah Abd Razak, Mohd Mukhlis Mohd Nasri, dan Muhammad Khairi Awang Jaafar, t.t).

Manakala taubat dapat difahami sebagai satu penyesalan ke atas dosa yang dilakukan serta menghentikannya serta-merta dan keazaman yang kuat untuk tidak kembali melakukannya (Wan Mohd Fazrul Azdi et al, 2013). Berdasarkan dua terma ini dapat dikaitkan bahawa *istitabah* adalah sebagai satu anjuran kepada seseorang hamba untuk bertaubat atas kesalahan atau dosa yang dilakukan.

Dalam pada itu, *istitabah* juga merujuk kepada satu proses memohon taubat atau menganjurkan bertaubat, juga disebut sebagai pemurniaan akidah (MStar, 2021). Firman Allah S.W.T dalam surah At-Taubah ayat 74:

Maksudnya: Mereka bersumpah dengan nama Allah, bahawa mereka tidak mengatakan (sesuatu yang buruk terhadapmu), padahal sesungguhnya mereka telah mengatakan perkataan kufur, dan mereka pula menjadi kafir sesudah melahirkan Islam, serta mereka berazam untuk melakukan apa yang mereka tidak akan dapat mencapainya (iaitu membunuhmu) dan tidaklah mereka mencaci dan mencela (Islam) melainkan setelah Allah dan RasulNya memberi kesenangan kepada mereka dari limpah kurniaNya. Oleh itu jika mereka bertaubat, mereka akan beroleh kebaikan: dan jika mereka berpaling (ingkar), Allah akan menyiksa mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya di



dunia dan akhirat, dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun di bumi ini, yang akan menjadi pelindung dan juga menjadi penolong.

(Al-Taubah, 9: 74)

Berdasarkan ayat di atas dapat dilihat bahawa apabila seseorang melakukan dosa dan dia telah bertaubat, maka dia akan memperoleh kebaikan dan sebaliknya bagi dia enggan bertaubat, dia akan mendapat azab yang dahsyat.

Walaubagaimana pun, pengkaji mendapati bahawa penggunaan istilah *istitabah* adalah berbeza mengikut negeri. Di Selangor, *istitabah* merujuk kepada satu terma yang digunakan untuk memulihkan pesalah akidah manakala bagi kes pemohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam, ia dipanggil penasihat akidah. Manakala di Negeri Sembilan, tiada istilah *istitabah* digunakan tetapi proses pemulihan tersebut disebut sebagai runding cara akidah. Pesalah akidah dikenakan hukuman jika disabit kesalahan tanpa menjalani proses *istitabah* (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al., 2023).

Terdapat perbezaan ketetapan hukum dalam mengaplikasikan konsep *istitabah* dalam kes murtad. Pengaplikasian *istitabah* dianggap wajib dan mustahab oleh majoriti ahli sunna wa-jamaah (Wan Mohd Fazrul Azdi et al, 2015). Sebahagian besar ulama' seperti Mazhab Syafii berpendapat bahawa hukum menyuruh orang yang murtad bertaubat sebelum dibunuh adalah satu kewajipan (Nazneen Ismail et al, 2018). Selain itu, terdapat juga khilaf dalam kalangan ulama' berkaitan tempoh *istitabah* yang mana ia juga bergantung kepada pertimbangan semasa hari ini (MStar, 2021). Majoriti ulama' seperti Saidina Umar r.a, Saidina Ali r.a, Imam Malik, al-Thawri, Al-Awza'i, Ishaq, Imam Abu Hanifah, Abu Yusuf, Ibn Qudamah, al-Nawawi dan sebagainya berpendapat bahawa tempoh *istitabah* adalah selama 3 hari atau 3 kali. Abu Musa Al-Ash'ari r.a, Mu'az r.a dan al-Shawkani pula berpendapat tempoh *istitabah* adalah selama 20 hari manakala Abu Musa Al-Ash'ari r.a dan Mu'az r.a meletakkan tempoh selama dua bulan. Dalam pada itu, Saidana Ali r.a dan Ibn Battal meletakkan tempoh selama sebulan. Al-Nakha'i, Sufyan Al Thawri dan *Majma' Al-Buhuth Al-Islamiyyah* Mesir menetapkan tempoh yang lebih lama iaitu sepanjang hidup bagi pesalah yang berkaitan (Wan Mohd Fazrul Azdi et al, 2015). Dan disebabkan berlaku khilaf di kalangan ulama' terdahulu, ada pandangan yang menyatakan bahawa pemerintah adalah individu bertanggungjawab untuk memutuskan dengan bijak, tempoh masa yang sesuai dilaksanakan bagi pelaksanaan proses pemulihan akidah (Wan Mohd Fazrul Azdi et al, 2015). Menurut Abu Hanifah, jika ada harapan pesalah akan bertaubat dan dia minta ditangguhkan, maka pemerintah boleh menangguhkan selama 3 hari. Namun jika tiada harapan pesalah akan bertaubat atau dia tidak meminta ditangguhkan, maka boleh dihukum bunuh pada masa itu juga. (Syakirah Ali, n.d).

Menerusi kajian ini, pengkaji akan membuat perbandingan proses *istitabah* dalam dua buah negeri iaitu Selangor dan Negeri Sembilan dengan lebih terperinci dan mengkaji kelebihan dan kekurangan proses *istitabah* yang diamalkan.

PEMOHONAN PENGISYTIHARAN BUKAN LAGI SEORANG ISLAM DAN ISTITABAH

Hakikatnya, penentuan sama ada seseorang telah diisytiharkan bukan lagi seorang Islam atau telah melakukan kesalahan melibatkan akidah bergantung kepada pihak berkuasa yang berkaitan. Ini kerana Majlis Agama Islam atau Mahkamah Syariah yang berhak menentukan sama ada seseorang itu diisytiharkan bukan Islam atau telah melakukan kesalahan akidah. Walaupun begitu, secara umumnya, pengisytiharan bukan lagi seorang Islam dan kesalahan akidah boleh berlaku dalam tiga perkara Pertama ialah melalui percakapan. Ia boleh berlaku jika percakapan seseorang itu boleh membawa kepada kekufuran. Umpamanya, mengatakan bahawa ada kuasa yang lebih hebat daripada Allah. Kedua ialah perbuatan yang mana boleh berlaku contohnya jika menyembah tuhan yang lain selain Allah S.W.T. Dan ketiga ialah iktikad. Ia berlaku antaranya apabila seseorang itu tidak mempercayai rukun iman. Contohnya, tidak percaya bahawa Nabi Muhammad S.A.W. sebagai nabi dan rasul (MStar, 2021).

Pada masa kini, umat Islam telah diancam dengan pelbagai fahaman dan ajaran kumpulan dan individu yang mana boleh merosakkan akidah umat Islam. Ia boleh berlaku dengan pantas dan mudah terutamanya dengan kewujudan media sosial seperti *Facebook*, *Tik Tok*, *Instagram* dan sebagainya. Justeru itu, disebabkan terdapat pelbagai bentuk masalah akidah yang berlaku di kalangan umat Islam, proses *istitabah* dilihat sebagai satu langkah yang agak mendesak. Ini kerana dengan adanya prosedur *istitabah* yang baik, ia boleh membantu pihak yang telah terlibat untuk bertaubat dan kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenar. Pada hakikatnya, hanya terdapat sekilas penjelasan mengenai *istitabah* dalam teks-teks klasik dan keilmuan Islam moden, yang akhirnya menyeru kepada ijtihad semasa mengisi kelompongan aplikasi konsep *istitabah* yang ada pada hari ini (Wan Mohd Fazrul Azdi et al., 2015).

Dari sudut perundangan pula, tidak ada mana-mana undang-undang yang melarang atau membenarkan seseorang Islam untuk menukar agama. Namun ada negeri seperti Melaka di bawah Seksyen 66(1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1991 yang menetapkan keluar Islam sebagai satu kesalahan yang mana Mahkamah boleh memerintahkan seseorang itu ditahan di Pusat Bimbingan Islam (Suariza et al., 2018) Bagi Negeri Sembilan pula, Seksyen 119(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 menyatakan bahawa seseorang Islam tidak boleh keluar agama Islam. Walaupun begitu, ianya dibenarkan jika terdapatnya suatu perisytiharan daripada Mahkamah Tinggi Syariah. Ini bermakna, seseorang Islam masih dibenarkan keluar Islam, dengan syarat bahwa wujudnya perisytiharan dari Mahkamah. Ini kerana kebanyakan negeri memperuntukkan kuasa Mahkamah untuk menentukan status agama seseorang.

Seterusnya di dalam kes Roslinda Mohd.Rafi lwn Ketua Pendaftar Muallaf Sabah [2009] 1 CLJ (Sy) 165, mahkamah memutuskan bahawa permohonan pemohon untuk keluar Islam. Ini kerana menurut hakim bicara, mahkamah tidak diberikan bidang kuasa untuk memberikan kebenaran seorang muslim untuk keluar agama. Malah dalam kes



tersebut pemohon juga tidak mempunyai apa-apa bukti yang menunjukkan pemohon telah murtad baik dari segi perbuatan atau keterangan yang diberikan.

Dalam pada itu, dalam menghadapi permohonan pengisytiharan keluar agama Islam, Negeri Selangor dan Negeri Sembilan dilihat menggunakan pendekatan yang sama iaitu dengan melaksanakan kaedah runding cara akidah yang mana dikendalikan oleh jabatan mufti negeri atau majlis agama Islam Negeri (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al, 2023).

PROSES ISTITABAH DI NEGERI SELANGOR

Proses *istitabah* di Selangor menggunakan Modul *Istitabah* MAIS 2017. Cadangan pembangunan dan penyusunan modul ini telah dikemukakan melalui Sidang Meja Bulat *Istitabah* anjuran Bahagian Pemulihan Al-Riqab MAIS melalui Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman pada 17-20 Januari 2012 di Port Dickson. Deraf modul ini telah dibentangkan kepada ahli MAIS dan Y.A.D S.S Mufti Diraja Negeri Selangor pada 28 Mac 2013. Ahli Jawatankuasa Program Pemulihan Akidah bersetuju bahawa modul ini digunakan untuk tujuan tersebut. Selanjutnya, pemurnian modul ini telah dilakukan pada 2014 dan 2015 sebelum diluluskan pada 27 Ogos 2015 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Riqab MAIS. Tuntasnya, modul ini dibangunkan oleh sepasukan ulama professional yang mengadunkan ilmu akidah, fiqh, tasawuf dan saintifik bagi memulihkan pesalah yang disabitkan dengan kesalahan akidah (Modul *Istitabah* MAIS, 2017).

Modul ini digunakan untuk memulihkan mereka yang terlibat dengan kesalahan akidah dan mencemar kesucian Islam yang meliputi Seksyen 4 hingga Seksyen 11 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor (2003) iaitu kesalahan pemujaan salah, mendakwa bukan orang Islam untuk mengelakkan tindakan, takfir, doktrin palsu, dakwaan palsu, mempersendakan ayat al Quran dan hadis, menghina atau menyebabkan dipandang hina agama Islam, memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat serta Seksyen 61(3)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 iaitu berkaitan pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam. Bagi pesalah akidah di Selangor yang telah disabitkan bawah Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, pesalah akan ditempatkan di penjara atau dihantar ke Pusat Pemulihan akidah berdasarkan perintah Mahkamah. Manakala pelatih yang berkaitan dengan Seksyen 61(3)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 hanya akan dipulihkan menggunakan modul ini apabila proses penasihat di bawah Jawatankuasa Penasihat Akidah Jabatan Mufti selesai (Modul *Istitabah* MAIS, 2017).

Bagi kes permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam, pemohon akan bertindak sebagai Plaintiff dan menamakan Majlis Agama Islam Selangor sebagai Defendan. Mahkamah Syariah Selangor apabila memperoleh permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam, akan menengguhkan permohonan tersebut bagi memberi ruang untuk proses *istitabah* (Nor Ashikin Md. Nasir et al, 2017). Jabatan Mufti Selangor berperanan dalam unit penasihat akidah melalui MAIS berdasarkan kandungan perintah mahkamah (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al, 2023).

Manakala selepas penasihat akidah selesai, pihak akan diperintahkan untuk menjalani pemulihan akidah melalui Bahagian Ar-Riqab menggunakan Modul *Istitabah* MAIS 2017 (Nor Ashikin Md. Nasir et al, 2017).

Bagi proses *istitabah* di Negeri Selangor, pesalah yang ada akan menjalani empat peringkat pemulihan iaitu saringan, rawatan, pengukuhan dan sokongan. Saringan yang pertama adalah berbentuk saringan klinikal di hospital. Seterusnya semakan semula dalam saringan klinikal dibuat dengan doktor atau psikiatri mengikut prosedur biasa seperti orang awam di hospital (Modul *Istitabah* MAIS, 2017). Jika terdapat masalah kesihatan, pelatih akan menjalani rawatan sepanjang berada di pusat pemulihan, sehingga sembuh (Nazneen Ismail et al, 2018). Setelah itu pelatih melalui saringan kerohanian dengan bantuan daripada panel rawatan Islam untuk mengenal pasti gangguan makhluk halus, sihir dan sebagainya (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al, 2023). Metod yang digunakan ialah Metod Mengesan Syaitan dan Jin (MMSJ) (Modul *Istitabah* MAIS, 2017). Satu lagi bentuk saringan ialah saringan sistem kepercayaan (belief system) di mana tahap keparahan akidah pelatih ditentukan menggunakan alat pengukuran A-test dan AP-Log. Bagi pelatih yang mengalami gangguan mental, proses pemulihan tidak diteruskan sehingga mereka sembuh daripada penyakitnya. Manakala pelatih yang mempunyai masalah psikologi, kaunselor syarie akan membantu pelatih untuk pulih seperti sediakala. (Nazneen Ismail et al, 2018) Setelah itu pada akhir sesi saringan ini, laporan dibentangkan di hadapan jawatankuasa penilai yang dihadiri Datuk Setiausaha MAIS, Mufti Selangor dan lain-lain lagi (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al, 2023).

Peringkat kedua pula, pelatih akan menjalani sesi rawatan. Tiga bahagian sesi rawatan ialah rawatan fizikal, spiritual Islam dan kaunseling Syarie. Bagi rawatan fizikal, ia meliputi rawatan masalah kesihatan fizikal, mental dan psikologi. Rawatan psikologi menggunakan Kaunseling Syarie manakala rawatan fizikal adalah bergantung kepada pegawai perubatan awam. Bagi rawatan spiritual Islam pula pendekatan *Ilaj Syari'e* digunakan melibatkan zikir, tilawah al-Quran, dan solat sunat. Bagi tujuan ini juga beberapa guru hadir ke pusat bagi mengajar pelatih berkenaan asas-asas agama. (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al, 2023) Ketiga kaunseling syarie pula akan dikendalikan oleh kaunselor syarie yang bertauliah sebanyak seminggu sekali (Modul *Istitabah* MAIS, 2017).

Seterusnya, terdapat modul pemulihan yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu modul pemulihan umum, modul pemulihan khusus dan modul penyesuaian dan penyelesaian masalah (Modul *Istitabah* MAIS, 2017). Setelah selesai semua komponen modul ini, pelatih sekali lagi melalui proses penilaian Atest dan AP-log serta MMSJ bagi menentukan kelayakan mereka untuk dipindahkan ke fasa pengukuhan dan pemantapan. Sepanjang fasa ini, pelatih ditempatkan dalam satu tempat yang khusus seperti sistem asrama. Namun bagi kes-kes berat mereka dikuarantin daripada pelatih lain di dalam satu bilik yang dilengkapi tandas dan tempat tidur. Tujuannya supaya pelatih ini tidak mempengaruhi pelatih-pelatih lain yang kebanyakannya terdiri daripada pelatih sosial. (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al, 2023) Mereka ini



dikuarantinkan agar diri mereka bebas dari pengaruh persekitaran dan keinginannya tidak mempengaruhi orang ramai (Mstar, 2021).

Peringkat keempat ialah fasa pengukuhan dan pementapan (Pra bebas). Dalam fasa ini modul yang dibincangkan melibatkan tasawwur Islam, percintaan daripada Islam dan akidah akhir zaman. Di samping itu, pelatih tetap menjalani rawatan kerohanian dan kaunseling syarie. Sekali lagi pelatih dinilai berdasarkan ujian A-test, AP-log dan MMSJ bagi menentukan kelayakan mereka untuk dibebaskan. Jika layak mereka masuk ke sesi khidmat sokongan dan jika sebaliknya mereka kembali semula ke proses rawatan dan pemulihan.

Seterusnya adalah pengukuhan. Pada peringkat ini, modul meliputi tasawwur Islam, percintaan dengan Islam dan akidah akhir zaman. Pelatih juga akan melalui penilaian A-test, AP-log dan MMSJ pada peringkat ini bagi mengenal pasti sama ada mereka layak dibebaskan atau tidak. Laporan ujian tersebut akan dibentangkan ke Jawatankuasa Penilai. Jika layak dibebaskan, pelatih akan dibebaskan dan mengikuti Model Khidmat Sokongan (Pasca Bebas/Pasca Pemulihan). Modul sokongan tersebut akan membantu pelatih selama 6 bulan selepas pelatih dibebaskan. Antara sokongan yang ada ialah kerohanian, sosial, psikologi, perkhidmatan, masyarakat dan ekonomi.

PROSES ISTITABAH DI NEGERI SEMBILAN

Di Negeri Sembilan modul *istitabah* yang digunakan dipanggil Modul Runding Cara Akidah yang mana dijadikan panduan kepada Pasukan Khas Akidah (PASAK) di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (JMKNNs). Sesi runding cara yang dijalankan di Jabatan Mufti Negeri Sembilan melibatkan barisan panel yang dipilih berdasarkan keupayaan untuk berdebat berkenaan dengan isu-isu perbandingan agama. Barisan panel ini terdiri daripada pelbagai lapisan pendidikan seperti pengajian Islam, mendapat kursus khas Dr. Zakir Naik, mantan sami Hindu dan bekas penganut Kristian. Sesi perbincangan dijalankan secara individu (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al., 2023).

Melalui modul yang diwujudkan terdapat empat komponen penting yang perlu diikuti. Pertama ialah persediaan pra sesi. Melalui peringkat ini, ia menetapkan kriteria yang perlu ada pada seorang panel. Antaranya asas pengetahuan Islam dan perundangan, professional dan perawakan yang mesra. Selain itu, panel juga perlu memastikan tempat, tarikh dan masa sesi runding cara akidah mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak. Dalam menetapkan temujanji, antara elemen yang perlu diambil berat ialah lokasi pertemuan iaitu tempat yang disediakan oleh JMKNNs atau di luar pejabat mengikut persetujuan, jaminan keselamatan dan jadual temujanji adalah mengikut tempoh yang diperintahkan mahkamah (Modul Runding Cara Akidah Negeri Sembilan).

Komponen kedua ialah panduan perunding cara akidah yang mana menyenaraikan Langkah dan strategi yang boleh digunakan sepanjang sesi rundingcara akidah dilaksanakan. Ia terbahagi kepada tiga fasa iaitu membina persefahaman, pengisian

dan sesi penutup. Dalam sesi persefahaman, panel dan klien perlu memperkenalkan diri. Panel juga perlu memberi penerangan mengenai peraturan dan perjalanan sesi *istitabah* seperti kesan-kesan perundangan dan sebagainya. Di dalam sesi perkenalan dari klien, panel hendaklah mengenalpasti tahap pemahaman klien mengenai Islam, Sejarah dalam Islam, memberi ruang klien untuk menceritakan atau meluahkan perasaan tanpa gangguan, mengenalpasti harapan klien setelah selesai sesi runding cara dan mencari penyelesaian kepada isu utama yang berbangkit (Modul Runding Cara Akidah Negeri Sembilan).

Seterusnya dalam fasa kedua pula iaitu pengisian, disenaraikan beberapa pengisian yang boleh dibuat oleh panel. Antaranya ialah definisi Islam, Rukun Iman dan Islam, perbandingan agama, Islam dan Sains Moden, menjawab salah tanggapan, kesahihan al-Quran, kenali nabi Muhammad S.A.W., hak Wanita, hak manusia dan amalan dan perayaan pelbagai agama. Manakala fasa terakhir iaitu penutup, panel boleh membuat imbasan kembali umpamanya berkaitan konsep ketuhanan, balasan akhirat dan empati. Panel boleh mengemukakan pilihan yang ada kepada pelatih terhadap isu yang ada memujuk pelatih untuk dengan pilihan untuk kekal dalam Islam dan dalam masa yang sama sentiasa menghormati keputusan pelatih. (Modul Runding Cara Akidah Negeri Sembilan).

Dalam sesi runding cara dan bimbingan yang dibuat, Jabatan Mufti Negeri Sembilan berperanan sebagai penyalur maklumat untuk proses yang dilakukan (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al, 2023). Sesi rundingcara dan khidmat nasihat akidah dibuat oleh Unit Runding Cara Akidah (Zanariah et al, 2017). Dalam pada itu, terdapat sesi runding cara akidah yang dilaksanakan oleh saudara baharu yang berdakwah dan sebangsa dengan pemohon. Metod ini digunakan bagi membantu Unit Runding Cara Akidah. Ini kerana penyampaian ilmu agama Islam dan perbandingan agama oleh mereka yang pernah menganut agama lain sebelum memeluk Islam adalah lebih berkesan kerana penyampaiannya merangkumi pengetahuan tentang agama lain sebelum memeluk Islam (Zanariah et al, 2017).

Seterusnya, komponen ketiga ialah skuad mahabbah. Ia digunakan bagi Skuad Mahabbah dalam mengendalikan kes yang diberikan JKMNNNS atau ketika menziarahi muallaf yang bermasalah sebagai Langkah pencegahan awal sebelum permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam. Antara kandungan panduan tersebut adalah peringatan awal, awal ziarah, semasa ziarah, akhir ziarah, perkara yang di jauhi ziarah dan nasihat tambahan (Modul Runding Cara Akidah Negeri Sembilan).

Dalam pada itu juga, berdasarkan modul yang dibuat, dapat dikenal pasti bahawa peserta yang menjalani proses *istitabah* juga perlu menghadiri diri Kem Bina Iman yang mana diadakan selama 3 hari 2 malam. Objektif program tersebut adalah untuk membimbing peserta *istitabah* mengetahui ciri-ciri tuhan yang sebenar, memahami rukun Iman dan Islam, menjawab persoalan dan memperbetulkan salah faham terhadap Islam serta menimbulkan rasa selesa peserta bahawa Islam boleh dipercayai dan dirujuk di kemudian hari. Peserta akan menjalani program yang telah diatur



bersama fasilitator yang ada. Antara program yang dijalankan ialah Bagaiaman mengenali tuhan, dari hati ke hati dan hikmah ujian dalam kehidupan.

Seterusnya, proses *istitabah* di Negeri Sembilan juga boleh dilihat di dalam Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Seksyen tersebut memperuntukkan perkara berkaitan permohonan keluar dari agama Islam. Peruntukan yang ada ini telah memudahkan urusan mahkamah tinggi syariah kerana memperuntukkan kaedah yang jelas untuk mengendalikan kes keluar agama (Zanariah et al, 2017). Di bawah perenggan 4(b) dengan jelas menyatakan bahawa jika Mahkamah menerima permohonan keluar dari agama Islam dan jika orang tersebut enggan bertaubat, mahkamah hendaklah menangguhkan pendengaran permohonan tersebut selama 90 hari dan pada masa yang sama menghendaki pemohon untuk menjalani sesi runding cara dan bimbingan bagi maksud menasihati pemohon untuk menimbang semula agama Islam sebagai agamanya. Bagi Negeri Sembilan, selepas permohonan diterima, pemohon akan diserahkan kepada Majlis Mufti melalui Unit Runding Cara Akidah yang mana pihak ini akan menguruskan proses kaunseling dan taubat pemohon. Unit tersebut berperanan untuk membimbing, menasihati dan seboleh-bolehnya mengekalkan pemohon dalam agama Islam (Zanariah et al, 2017). Berdasarkan peruntukan tersebut menunjukkan bahawa setiap permohonan keluar dari agama Islam perlu dibuat di Mahkamah Syariah dan Mahkamah mempunyai tanggungjawab untuk mengarahkan individu tersebut menghadiri sesi runding cara dan bimbingan sebelum memutuskan permohonan yang dibuat. Dalam erti kata yang lain, pemohon akan menjalani sesi *istitabah* terlebih dahulu, sebelum permohonan yang dibuat diputuskan. Pemohonan diluluskan selepas tatacara yang ketat dilalui dan setelah Mahkamah Tinggi Syariah berpuas hati dengan segala laporan yang dikemukakan oleh Unit Runding Cara Akidah, Jabatan Mufti dan juga keterangan pemohon (Siti Zubaidah Ismail, 2018).

Sepertimana yang dinyatakan di perenggan di atas, apabila satu permohonan keluar dari agama Islam dibuat di Mahkamah Syariah maka Mahkamah akan menangguhkan perbicaraan selama 90 hari dan memerintahkan pemohon melalui proses *istitabah*. Walaupun begitu, jika tempoh 90 hari telah tamat dan pemohon masih lagi tidak bertaubat, maka Mahkamah masih boleh mengarahkan *istitabah* kedua yang mana boleh membawa tempoh sehingga setahun dan proses yang akan dijalankan lebih rumit. Selepas tempoh *istitabah* kedua berakhir, Mahkamah akan merekod taubat pemohon dan menamatkan kes. Namun jika pemohon masih tidak bertaubat, Mahkamah akan membuat keputusan mengishtiharkan sama ada pemohon masih Islam atau tidak (Zanariah et al, 2017).

PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Daripada perbincangan proses *istitabah* di atas dapat dilihat bahawa di kedua-dua negeri telah menggubal modul khusus bagi perjalanan proses *istitabah*. Namun, di Negeri Selangor, penggubalan modul adalah melibatkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) manakala modul di Negeri Sembilan dibangunkan oleh pihak Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

Proses *istitabah* di kedua-dua negeri melibatkan jabatan yang berbeza. Bagi Negeri Selangor, ia melibatkan Bahagian Pemulihan Al-Riqab yang berada di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) manakala di Negeri Sembilan ia melibatkan Pasukan Khas Akidah (PASAK) di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (JMKNNs).

Seterusnya, dilihat berdasarkan kedua-dua modul di kedua-dua negeri, dapat dilihat bahawa prosedur yang digariskan di dalam modul Negeri Selangor lebih sistematik dan teratur. Prosedur yang digariskan juga dilihat lebih bervariasi kerana melibatkan prosedur yang pelbagai. Ini kerana modul yang dibangunkan melibatkan pelbagai pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu. Umpamanya bagi ujian kesihatan fizikal yang akan melibatkan pegawai perubatan awam dan sesi kaunseling syarie yang melibatkan Kaunselor Syarie yang bertauliah. Berbeza di Negeri Sembilan, sesi runding cara akidah yang dijalankan lebih menumpukan sesi runding cara bersama seorang panel yang bertauliah. Pengkaji mendapati bahawa sesi yang dijalankan lebih kepada sesi kaunseling bersama pelatih. Malah sesi *istitabah* di Negeri Sembilan lebih bergantung kepada pengalaman panel itu sendiri dalam mengadakan proses *istitabah* kepada pelatih.

Walaupun begitu, hanya di Negeri Sembilan mempunyai peruntukan yang jelas dalam meletakkan proses yang perlu dilalui apabila terdapat permohonan keluar dari agama Islam. Ini dapat dilihat di dalam Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Peruntukan tersebut secara jelas menyatakan bahawa proses *istitabah* atau proses runding cara akidah adalah salah satu proses yang perlu dilalui oleh pemohon apabila wujudnya permohonan keluar dari agama Islam. Ini bermakna, proses *istitabah* di Negeri Sembilan mempunyai kedudukan yang lebih kukuh berbanding di Negeri Selangor di mana di Selangor, amalan atau proses *istitabah* hanya dibuat berdasarkan modul yang dikeluarkan sahaja. Tidak ada peruntukan jelas mengenai keperluan *istitabah*. Oleh sebab itu, dapat dilihat bahawa punca kuasa pelaksanaan proses *istitabah* agak kabur di Selangor berbanding Negeri Sembilan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, tidak dapat disangkal bahawa pada hari ini isu penulanan masalah akidah dalam kalangan umat Islam di Malaysia menjadi satu isu yang besar. Penyakit akidah yang berlaku dalam kalangan umat Islam pada hari ini seperti permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam, doktrin palsu dan ajaran sesat wajar diambil berat dan diselesaikan menggunakan pendekatan yang lebih holistik.

Walaupun begitu, kes melibatkan akidah terutamanya permohonan pengisytiharan bukan lagi seorang Islam menjadi satu isu yang agak panas apabila sesetengah pihak menyatakan bahawa kes permohonan tersebut seolah-olah membenarkan umat Islam untuk keluar agama Islam. Ini kerana sesetengah pihak berpendapat bahawa Mahkamah Syariah membenarkan seseorang yang beragama Islam untuk keluar dari agama Islam.



Namun jika seseorang itu faham fakta, prosedur dan konsep yang telah digariskan, perkara tersebut bukanlah seperti dakwaan sesetengah pihak. Sebaliknya ia adalah satu tadbir urus syariah yang mana merupakan usaha kerajaan untuk menjaaga agama (hifz al-din) yang menjadi sebahagian maqasid syariah. Ia bukan satu tiket yang membenarkan seseorang untuk murtad.

Ini dapat dibuktikan berdasarkan penulisan artikel ini yang mana dapat dilihat bahawa kedua-dua negeri Selangor dan Negeri Sembilan mengambil langkah yang lebih proaktif dengan menangguhkan terlebih dahulu perbicaraan pemohonan untuk pemohon yang ingin mengisytiharkan bukan lagi seorang Islam bagi memberi ruang dan membenarkan pihak yang terlibat untuk campur tangan dan melakukan proses *istitabah* terhadap pemohon yang terlibat. Proses *istitabah* yang dilakukan adalah satu usaha untuk memujuk atau menyelesaikan salah faham individu terhadap agama Islam. Ia memberi peluang kepada individu yang terlibat untuk kembali pada Islam dan kekal dalam Islam.

Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa modul *istitabah* yang ada adalah penting bagi memberi panduan kepada pihak yang berkuasa untuk menjalankan proses *istitabah* dengan lebih tulus dan sistematik. Penggubalan modul ini mampu memudahkan urusan pihak berkuasa dalam menjalankan tanggungjawab dan Amanah yang diberikan bagi memujuk saudara Islam yang telah melakukan kesalahan kembali pada agama yang benar.

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa modul yang ada di kedua-dua negeri Selangor dan Negeri Sembilan masih mempunyai kelemahan dan perlu ditambah baik. Khususnya bagi Negeri Sembilan dari sudut prosedur *istitabah*. Bagi Negeri Selangor pula, aspek perundangan boleh ditambah baik dengan mewujudkan satu peruntukan yang meletakkan proses *istitabah* adalah satu proses yang perlu dilalui oleh pesalah akidah. Ia bagi menjamin bahawa setiap kesalahan akidah yang dilakukan perlu menjalani proses *istitabah* yang telah digariskan.

PENGHARGAAN

Penulis tidak menerima sebarang dana bagi penyelidikan, penulisan dan penerbitan artikel ini.



RUJUKAN

Al Quran

Al-Asqalani, Ibn Hajar. 2000. *Fath Al-Bari Sharh Sahih Al-Bukhari*. Jilid. 12. Dar Al-Salam.

Al-Jurjani, Al-Sharif. 1985. *Kitab Al-Ta'rifat*. Maktabah Lubnan. Hal. 55.

Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. 2001. *Madarij Al-Salikin*. Muassasah Al-Mukhtar. Jilid. 1. Hal. 258-259.

Modul *Istitabah* MAIS. 2017. MAIS.

Modul Runding Cara Akidah Negeri Sembilan.

Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah, Muhammad Yosef Niteh, Aminudin Basir @ Ahmad, Mohd Shairawi Mohd Noor & Muhammad Fakhur Razi Shahabudin, 2023, *Amalan Istitabah Dalam Pelaksanaan Pemulihan Akidah Di Malaysia, Jurnal Pengajian Islam*, 16 (1): 1-8.

Muslim murtad perlu dibimbing dalam sesi *istitabah* tapi jika tidak bertaubat kekal dalam azab neraka, *MStar*, 2021, <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/03/05/muslim-murtad-perlu-dibimbing-dalam-sesi-istitabah-tapi-jika-tidak-bertaubat-kekal-dalam-azab-neraka>

Nazneen Ismail, Zanariah Dimon, Nurzatil Ismah Azizan, Nurulfathonah Mohd Effendy, Hamidi Abd. Ghani, Nordin Mat Piah, Mohd Ramizu Abdullah, 2018, *Penggunaan Modul Istitabah Dalam Mengendalikan Kesalahan Akidah Di Selangor*, 4th *International Conference of Islamiyyat Studies 2018*, 18th-19th September 2018, Bangi, Selangor.

Nor Ashikin Md Nasir & Siti Zubaidah Ismail, 2017, *Amalan Mahkamah Syariah Mengishtiharkan Status Agama Dalam Kes Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan*, *KANUN*, 26 (1), 1-37

Salih Ibn Abdullah Ibn Humayd, Abd Al-Rahman Ibn Abd. Al-Rahman Malluh et. al. 1998. *Mausu'ah Nadrah Al-Na'im Fi Marim Akhlaq Al-Rasul Al-Karim Salla Allahu Wa Sallam*. Jeddah: Dar Al-Wasilah. Jilid. 4. Hal. 1269.

Siti Razasah Abd Razak, Mohd Mukhlis Mohd Nasri, dan Muhammad Khairi Awang Jaafar, n.d, *Pewartaan Proses Istitabah Bagi Pesalah Murtad di Malaysia Satu Keperluan*

Siti Zubaidah Ismail, 2018, *Selaras Undang-undang Kes Murtad*, BH Online, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/03/397411/selaras-undang-undang-kes-murtad>



Suariza @Hidayah Muhammad, Norrodzoh@Raudah Haji Siren & Yusmini Md Yusoff, 2018, Faktor Permohonan Isytihar Murtad Dalam Kalangan Muallaf di Selangor, *Jurnal Usuluddin*, 46(2): 123-146.

Syakirah Ali, n.d. *Istitabah*, <https://www.academia.edu/17602283/ISTITABAH>

Wan Mohd Fazrul Azdi, Rumaizuddin Ghazali, Azman Ab Rahman, Zaliridzal Zakaria, Mohammad Fadzil Mat Yaacob, 2013, Model *Istitabah*: Cadangan Konsep dan Pelaksanaanya Dalam Intervensi Permasalahan Riddah Kontemporari Di Malaysia, *Jurnal Al-Abqari*, 3: 57-71

Wan Mohd Fazrul Azdi, Kamaluddin Nurdin Marjuni, Mohd Rumaizuddin Musa @ Ghazali, Azman Abd Rahman, Ahmad Najaa' Mokhtar, Mohd Zaliridzal Zakaria & Mohammad Fadzil Mat Yaacob, 2015, *Istitabah* Model for Malaysia: A Preliminary Exposition, *Ulum Islamiyyah Journal*, 15 (June): 111-124.

Zanariah Dimon, Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Hamidi Abd. Ghani, Nordin Mat Piah, Mohd Ramizu Abdullah & Nurulfathonah Mohd Effendy, 2019, Pendekatan Taubat (*Istitabah*) Bagi Kesalahan Ajaran Sesat di Baitul Iman, Selangor: Sorotan Kes Abdul Kahar Ahmad, *Journal of Muwafaqat*, 2(1):1-15